

Bahagian A

[50 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 (a) Berikan **dua** perbezaan antara usahawan dengan peniaga. [4]
- (b) Jelaskan **tiga** sumbangan usahawan dari sudut makro. [6]
- (c) Nyatakan **empat** kelebihan apabila seorang usahawan membuat keputusan untuk memulakan perniagaan baharu. [4]
- (d) Terangkan **tiga** elemen dalam rancangan organisasi bagi pengilang kereta. [6]
- (e) Jelaskan kegunaan rancangan perniagaan kepada tiga pihak berkepentingan yang berikut:
- (i) Pembekal
 - (ii) Pelanggan
 - (iii) Pembiaya [6]
- (f) Huraikan konsep operasi serah kunci dan lokalisasi dalam perniagaan antarabangsa. [4]
- (g) Huraikan maksud syarikat multinasional dan **empat** tujuan organisasi menjadi syarikat multinasional. [6]
- (h) Huraikan kaedah melindungi pasaran domestik untuk tujuan melindungi pasaran dalam negara. [6]
- (i) Senaraikan **empat** perkara yang di bawah bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia untuk menyelesaikan masalah kepenggunaan. [4]
- (j) Berikan **empat** sebab kenapa etika perniagaan adalah penting bagi sesebuah organisasi perniagaan. [4]

Bahagian B
[50 markah]

Jawab semua soalan.

2

Bill Gates

Bill Gates dilahirkan di Seattle, Amerika Syarikat pada 28 Oktober 1955. Mary dan William Gates II adalah ibu bapanya. Dia mempunyai dua orang adik beradik perempuan. Ayahnya adalah seorang peguam yang terkemuka. Ibunya pula seorang guru sekolah, Penasihat [regent] Universiti Washington, dan Pengerusi United Way International. Moyang beliau pernah menjadi Penggubal Undang-Undang Negeri dan datuk Bandar. Datuknya pula pernah menjadi Naib Presiden bagi sebuah bank nasional.

Bill percaya bahawa seseorang itu perlu bekerja keras. Beliau percaya jika seseorang itu sanggup menggunakan kebijaksanaannya, seseorang itu boleh mencapai apa sahaja. Pencapaian beliau di sekolah sangat memberangsangkan khususnya dalam mata pelajaran matematik dan sains. Bagaimanapun beliau mula bosan di sekolah. Ibu bapa Bill berasa bahawa dengan kecerdasan anaknya lebih baik ke sekolah yang lebih baik. Dengan itu mereka mendaftarkan anak mereka di sekolah swasta yang berprestij, Lakeside. Bill mula menggunakan komputer di sekolah. Ibunya merupakan ahli jawatankuasa yang menderma terminal komputer ke sekolah itu yang dihubungi ke syarikat komputer tempatan. Bill dan beberapa orang pelajar dari sekolah tersebut telah membentuk Kumpulan Lakeside Programmers dan sentiasa menulis program-program komputer. Ramai daripada ahli Kumpulan ini kemudiannya bekerja dengan Microsoft sebagai programmer. Bill kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti tetapi tercicir pada tahun 1974 dan seterusnya membentuk Microsoft dengan Paul Allen. Paul Allen adalah rakannya dari zaman kanak-kanak lagi.

Antara kejayaan Bill Gates sebagai usahawan ialah beliau berjaya mendapat lesen untuk MS-DOS dengan perbincangannya dengan IBM. Pada November 1983, Syarikat Microsoft menghasilkan Windows yang merupakan sistem operasi komputer. Beliau berjaya mengatasi pesaing-pesaing lain seperti Oracle dan IBM dengan keputusan strategik yang bijak. Bagaimanapun kejayaan Microsoft tidak lari daripada masalah. Pada tahun 1999, Hakim Thomas P. Jackson menyalahkan Microsoft kerana cuba memonopoli industri perisian (*software*) komputer secara haram. Selepas masalah ini, Bill telah membuat beberapa perubahan seperti menyerahkan jawatan CEO dan Presiden kepada orang kanannya iaitu Steve Ballmer. Beliau sendiri kekal sebagai Pengerusi Syarikat.

Pada tahun 1988, aset beliau bernilai AS \$ 39 billion. Ini menjadikan beliau orang yang paling kaya di dunia pada masa itu. Beliau juga meminati pelbagai bidang yang lain seperti bioteknologi, seni dan perubatan. Beliau juga seorang dermawan yang telah menyumbang sebanyak AS \$ 1.5 juta pada tahun 1998 bagi penyelidikan berkaitan dengan AIDS. Beliau juga banyak menyumbang dalam bidang pendidikan iaitu di sekolah-sekolah dan di universiti. Beliau juga berhasrat untuk mendermakan 95% daripada perolehannya apabila beliau sudah tua dan uzur. Idea beliau untuk dunia boleh diringkaskan dengan visi Microsoft iaitu 'A computer on every desk and Microsoft software on every computer'.

(Disesuaikan daripada Case Study on Entrepreneurship : Bill Gates

–www.mbaknol.com/..case-studies/ case-study-on-entrepreneurship-bill-gates

0)

i. Jelaskan maksud keusahawanan. [3m]

ii. Dengan menggunakan Teori Sosiologi, huraikan faktor-faktor yang mendorong Bill Gates menceburi bidang keusahawanan. [10m]

iii. Jelaskan **empat** sifat usahawan yang berjaya berdasarkan kes di atas. [12m]

iv. Nyatakan bagaimana Syarikat Microsoft boleh menjalankan perniagaan dengan beretika kepada pemilik taruh utamanya. [5m]

Jawab satu soalan sahaja, sama ada soalan 3(a) atau 3(b).

3 (a) (i) Terangkan **lima** kepentingan seseorang usahawan menyediakan rancangan perniagaan. [10]

(ii) Sediakan Rumusan Eksekutif bagi sebuah Rancangan Perniagaan Rose Seramik Sdn. Bhd. dalam pengeluaran cenderahati dan hiasan seramik mewah. [10]

ATAU

(b) (i) Huraikan jenis-jenis jenayah kolar putih yang lazim berlaku di negara Malaysia.

[10]

(ii) Nyatakan **lima** hak pengguna dan terangkan peranan Persatuan Pengguna untuk menjaga hak tersebut.

[10]